

U B812 AAB
MAHATHIR - KEMAJUAN
EMBARGO: UNTUK SIARANA SELAPAS 10.30 MLM INI, 19 OKT.

(I)

KUALA LUMPUR, 17 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI MASYARAKAT ASIA PERLU MENGUBAH SIKAP DAN MENINGKATKAN TAHAP KETAJAMAN MENTAL BAGI MENJAYAKAN KEMAJUAN DI KALANGAN MEREKA.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN BANYAK TEKNOLOGI ASAS DAN PENEMUAN BERASAL DI ASIA, PERKARA-PERKARA INI TERUS TIDAK DIMAJUKAN DAN TIDAK DIGUNAKAN DENGAN BERKESAN.

+MISALNYA, ORANG-ORANG CINA MENGGUNAKAN UBAT PENCEGAH KUMAN, TANPA MENYEDARINYA, KIRA-KIRA 2,500 TAHUN LALU BILA MEREKA MENYAPU TAUHU YANG SUDAH LAPUK PADA BISOL DAN INI MENDATANGKAN HASIL BERKESAN. BAGAIMANAPUN MEREKA TIDAK PERNAH MENGETAHUI MENGAPA TAUHU INI MEMPUYAI KESAN MENYEMBUH KE ATAS BAHAGIAN ANGGOTA YANG BERPENYAKIT.

+SEBALIKNYA, SAINTIS BARAT, MEMERHATI KESAN YANG SERUPA DAN KAJIAN MEREKA TERHADAP FENOMENA ITU MEMBAWA KEPADA PENEMUAN PENICILLIN DALAM TAHUN 1928,+ KATA BELIAU.

BERUCAP DI KONGRES KELIMA PERSEKUTUAN PERSATUAN VETERINAR ASIA DI SINI, PERDANA MENTERI JUGA MENARIK PERHATIAN BAHAWA SEKALIPUN MENGALAMI TAMADDUN LEBIH AWAL DAN MULA-MULA SEKALI BERUSAHA DALAM BIDANG PERTANIAN, ASIA HARI INI JAUH KETINGGALAN DALAM BIDANG PENGELUARAN MAKANAN. - LAGI.

2030MST 19 10 86

U 8815 AAB
MAHATHIR-KEMAJUAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+SEDANG PENDUDUK NEGARA MAJU DI BARAT BIMBANGKAN TENTANG
IMBANGAN MAKANAN ANTARA DAGING IKAN DAN AYAM DENGAN DAGING LEMBU DAN
SEBAGAINYA SERTA TENTANG PENGAMBILAN MAKANAN YANG MENGANDUNGI
KOLESTEROL, KEBANYAKAN ORANG ASIA MENGALAMI KEKURANGAN ZAT MAKANAN
DAN PROTEIN YANG TERUK.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA INI AGAK ANIH KERANA BUKAN SAJA
KAEDAH MENANAM BIJIAN TETAPI JUGA PENGHASILAN TERNAKAN BERMULA DI
ASIA.

BELIAU BERKATA BANYAK FAKTOR MENYEBABKAN BERLAKUNYA ANOMALI INI.
TETAPI KATA BELIAU SATU PERKARA TIDAK DAPAT DINAFIKAN: BAHAWA TIDAK
ADA UNSUR +ANTI-KEMAJUAN+ DALAM WARISAN BUDAYA ASIA.

TERDAPAT BANYAK CONTOH DI ASIA DI MANA PERUBAHAN PESAT DAN BESAR
BERLAKU. NEGARA-NEGARA SEPERTI JEPUN, KOREA SELATAN DAN TAIWAN TELAH
MENCAPAI KEMAJUAN BESAR DI BIDANG YANG AGAK ASING KEPADA WARISAN
BUDAYA MEREKA, KATA BELIAU.

BELIAU MENEGASKAN PARA PETANI ASIA TIDAK BOLEH DAN TIDAK AKAN
MUDAH MENERIMA TEKNOLOGI BARU SELAGI MEREKA MENGGUNAKAN PERTANIAN
SETAKAT UNTUK KEPERLUAN MAKANAN SENDIRI SEBAGAI CARA HIDUP. - LAGI.
2039MST 19 10 86

D484

U 8816 AAB
MAHATHIR - KEMAJUAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)
(I)

PERDANA MENTERI BERKATA PERKARA ITU BOLEH DIBUKTIKAN DENGAN
PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN AYAM ITIK DAN BABI DI MALAYSIA YANG
PEMBANGUNANNYA HANYA KETARA PADA TAHUN 1950-AN APABILA PARA
PENTERNAK BERSEBEDIA MENGUBAH PERTANIAN SECARA KECIL-KECILAN KEPADA
YANG BERCORAK KOMERSIAL.

BELIAU BERKATA BERDASARKAN PENGALAMAN SERUPA ITU, KERAJAAN TELAH
MENGADAKAN SATU STRATEGI DALAM PENGELUARAN TERNAKAN DENGAN
MENJADIKAN PARA PENTERNAK BERKENAAN KEPADA UNIT-UNIT KOMERSIAL.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA MENJADIKAN PENTERNAK KE
DALAM UNIT-UNIT KOMERSIAL SERTA MENGUMPULKAN MEREKA, JUGA MEMERLUKAN
SISTEM PEMASARAN YANG LEBIH BAIK, KOS PERKHIDMATAN DAN PENGANGKUTAN
YANG LEBIH BERKESAN SERTA KAWALAN MUTU YANG LEBIH BAIK.

BELIAU BERKATA, TEKNOLOGI MODEN YANG LENGKAP HANYA BOLEH MEMBERI
FAEDAH APABILA DIWUJUDKAN SATU PERUSAHAN KOMERSIAL YANG BESAR.

BAGI MEMODENKAN PERTERNAKAN, KATANYA, SATU KEMESTIAN IALAH
PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT PENTERNAK, DAN MALAYSIA SEDANG
MELAKUKANNYA. -- BERNAMA

2044MST 19 10 86